

Bayaran khidmat haji muasasah turun RM472

UM 15 SEP 2003

Oleh TUKIRAN KITAM

TANGKAK 14 Sept. — Tabung Haji hari ini mengumumkan bayaran perkhidmatan baru bagi jemaah haji Malaysia yang menunaikan haji secara muasasah membabitkan pengurangan kos antara RM472 hingga RM479 mulai tahun depan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin memberitahu, kadar bayaran baru bagi jemaah haji dari Semenanjung ialah RM8,937, iaitu turun RM472 berbanding sebelum ini.

Kadar baru bakal haji dari Sarawak ialah RM9,054 iaitu RM476 lebih rendah dari dahulu manakala Sabah ialah RM9,096, turun RM479.

Katanya, penurunan ini adalah ekoran Bajet 2004 yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad petang Jumaat lalu.

Di bawah bajet itu, Tabung Haji diperuntukkan RM288 juta bagi membiayai kegiatannya dan berupaya menurunkan lima peratus kadar kos pembiayaan jemaah haji.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan seminar penjelasan Islam dan isu-isu semasa di Dewan Kolej Matrikulasi Johor di Jalan Payamas di sini.

Seminar tersebut adalah anjuran Biro Agama Wanita UMNO Malaysia dengan kerjasama Wanita UMNO Johor, Wanita

■ Lihat muka 4

Bayaran khidmat haji muasasah turun RM472

UMNO bahagian Ledang, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM).

Serentak dengan itu Abdul Hamid memberi jaminan bahawa penurunan lima peratus kadar itu tidak sedikit pun akan menjejaskan perkhidmatan Tabung Haji terhadap bakal haji negara.

Selain daripada itu katanya, agensi itu akan terus memberi bantuan kebajikan sebanyak RM400 kepada setiap bakal

haji yang menunaikan ibadah secara muasasah sebagai tanggungjawab sosialnya.

“Untuk ini kita membelanjakan sebanyak lebih RM20 juta setiap tahun,” tegasnya sambil menyatakan beliau tidak mahu imbuhan itu dianggap sebagai subsidi.

Terdahulu beliau memberitahu, Tabung Haji akan memeterai perjanjian dengan syarikat Abdul Latif Jameel November depan untuk menyediakan tempat

penginapan 15,000 jemaah haji Malaysia di Arab Saudi setiap tahun bagi tempoh antara 20 hingga 25 tahun.

Katanya, ia adalah usaha Tabung Haji untuk mengurangkan kos penyediaan tempat penginapan jemaah haji negara dari segi jangka panjang.

“Majlis menandatangani perjanjian itu akan dimeterai pada bulan puasa ini dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Ahmad Badawi akan menyaksikan majlis itu,” ujarnya.